



**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH**

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN VISA
DAN PAS PELAJAR ANTARABANGSA
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH**

KELULUSAN OLEH:

MESYUARAT SENAT KE-230 BIL. 1/2025 PADA 23 JANUARI 2025

KANDUNGAN

1. OBJEKTIF	1
2. LATAR BELAKANG	1
3. TAKRIF DAN JENIS-JENIS VISA/PAS	2
3.1. Takrifan Visa	2
3.2. Takrifan Pas	2
3.3. Visa Sekali Perjalanan (SEV)	2
3.4. Surat Kelulusan Visa (VAL)	2
3.5. Visa Berulang Kali Perjalanan (MEV)	2
3.6. Pas Lawatan Sosial (PLS)	3
4. KATEGORI PAS	4
4.1. Pas Pelajar	4
4.2. Pas Tanggungan	4
4.3. Pas Profesional	4
4.4. Pas Khas	4
5. KATEGORI PERMOHONAN PAS PELAJAR	5
6. PERMOHONAN PAS PELAJAR	6
6.1. Pelajar Baharu di luar negara	6
6.2. Pelajar Baharu di Malaysia	7
6.3. Permohonan Baharu Pas Pelajar (<i>One-off</i>)	8
6.4. Pendaftaran Pelajar Secara Dalam Talian	11
6.5. Pembaharuan Pas Pelajar	12
6.6. Pas Tanggungan	13
6.7. Pas Graduan	14
6.8. Kebenaran Belajar kepada Pemegang Pas Penggajian	14
6.9. Kebenaran Belajar kepada Pemegang Pas Diplomatik	15
7. PENAMATAN PAS PELAJAR	16
7.1. Pembatalan Pas Pelajar	16
7.2. Penangguhan Pengajian	17
7.3. Tamat Tempoh Pas Pelajar Semasa Berada di Luar Negara	18
7.4. Pelajar yang Gagal Dikesan	19
8. PERLINDUNGAN INSURANS	20
9. KERJA SEPARUH MASA	21
10. <i>ENDORSEMENT TRANSFER</i>	21
11. PAS KHAS DAN TINGGAL LEBIH MASA	22
12. BON PERIBADI (<i>PERSONAL BOND</i>)	23
13. SARINGAN KESIHATAN	24
14. PERATURAN AM	25

SINGKATAN

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah	UMPSA
Jabatan Imigresen Malaysia	JIM
Education Malaysia Global Services	EMGS
Bahagian Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi	BPPT
Kementerian Pendidikan Tinggi	KPT
Jabatan Pengajian Tinggi	JPT
Institut Pengajian Tinggi	IPT
Kementerian Luar Negeri	KLN
Polis Diraja Malaysia	PDRM
Pusat Hubungan Antarabangsa	PUHA
Pusat Pengurusan Akademik	PPA
Institut Pengajian Siswazah	IPS
Surat Kelulusan Visa	VAL
Visa Dengan Rujukan	VDR
Pas Lawatan Sosial	PLS
Visa Sekali Perjalanan	SEV
Visa Berulang Kali Perjalanan	MEV
Agensi Kelayakan Malaysia	MQA
Student Application & Registration System	STARS
Purata Nilai Gred Kumulatif	PNGK

GARIS PANDUAN PERMOHONAN VISA DAN PAS BAGI PELAJAR ANTARABANGSA UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

1.0 OBJEKTIF

Garis Panduan Permohonan Visa dan Pas untuk Pelajar Antarabangsa Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) ini disediakan untuk memberikan maklumat dan rujukan berkaitan dengan prosedur serta keperluan yang berkaitan dengan Visa dan Pas bagi pelajar antarabangsa di UMPSA.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1** Mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan semasa Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) yang sedang berkuat kuasa, semua pelajar antarabangsa diwajibkan memiliki Pas Pelajar yang sah untuk membolehkan mereka melanjutkan pengajian mereka di Malaysia amnya, dan di UMPSA khasnya.
- 2.2** Agensi kerajaan yang bertanggungjawab mengeluarkan dan mengawal selia visa dan pas tersebut ialah JIM, dengan dibantu oleh perwakilan-perwakilan diplomatik Malaysia di luar negara, iaitu Suruhanjaya Tinggi, Kedutaan dan/atau Konsulat Malaysia, serta Bahagian Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi (BPPT), Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.
- 2.3** *Education Malaysia Global Services (EMGS)* ialah badan swasta yang dilantik oleh Kementerian Pendidikan Tinggi untuk memproses permohonan visa dan pas pelajar antarabangsa, manakala institusi-institusi pengajian tinggi berperanan memudah cara dan menguruskan permohonan tersebut di peringkat institusi masing-masing.
- 2.4** Berkuat kuasa pada 1 Januari 2014, semua pelajar antarabangsa baharu mesti mendapatkan **Surat Kelulusan Visa (VAL) / Visa Dengan Rujukan (VDR)** sebelum memasuki Malaysia. Pertukaran daripada **Pas Lawatan Sosial (PLS)** atau Visa Pelancong kepada Pas Pelajar tidak lagi dibenarkan.

3.0 TAKRIF DAN JENIS-JENIS VISA / PAS

3.1 Takrifan Visa

Pengesahan rasmi yang dilampirkan/dicap dalam pasport, yang **membenarkan kemasukan** ke dan perjalanan dalam negara atau wilayah tertentu.

3.2 Takrifan Pas

Pengesahan rasmi yang dilampirkan/dicap dalam pasport yang **membenarkan seseorang tinggal** di negara tertentu dalam tempoh yang diluluskan.

3.3 Visa Sekali Perjalanan (SEV)

Pelajar antarabangsa yang memerlukan visa sebelum memasuki Malaysia perlu mendapatkan Visa Sekali Perjalanan atau **Single Entry Visa (SEV)** dari kedutaan, konsulat, atau suruhanjaya tinggi Malaysia di negara asal mereka atau wakil terdekat kerajaan Malaysia sebelum datang ke Malaysia. Sekiranya gagal, individu tersebut perlu kembali ke negara asalnya. Untuk mendapatkan SEV, pelajar mesti terlebih dahulu memohon Surat Kelulusan Visa melalui pejabat Pusat Hubungan Antarabangsa UMPSA selepas menerima surat tawaran.

3.4 Visa Dengan Rujukan (VDR)

Surat Kelulusan Visa atau **Visa Approval Letter (VAL)**, atau dikenali juga sebagai Visa Dengan Rujukan (VDR), ialah dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh JIM yang mengesahkan bahawa permohonan pelajar antarabangsa untuk mendapatkan visa dan Pas Pelajar telah diluluskan. VAL diperlukan bagi pelajar antarabangsa untuk memasuki Malaysia dengan tujuan memulakan pengajian mereka. Setelah menerima VAL, pelajar perlu mendapatkan SEV daripada kedutaan, konsulat, atau suruhanjaya tinggi Malaysia di negara asal mereka sebelum datang ke Malaysia.

3.5 Visa Berulang Kali Perjalanan (MEV)

Pas Pelajar yang diluluskan kepada seseorang pelajar antarabangsa akan disertakan dengan Visa Berulang Kali Perjalanan atau **Multiple Entry Visa (MEV)**. Dengan visa ini, pelajar dibenarkan keluar masuk Malaysia selama mana Pas Pelajar mereka masih sah laku. Caj yang dikenakan berbeza mengikut negara dan tidak melebihi RM100.

3.6 Pas Lawatan Sosial (PLS)

Semua pelawat-pelawat asing yang masuk ke Malaysia melalui mana-mana pintu masuk akan diberikan kemudahan Pas Lawatan (Sosial) untuk tujuan lawatan sosial, iaitu termasuk aktiviti-aktiviti seperti:

- a. Melancong
- b. Melawat saudara mara
- c. Membuat liputan akhbar / berita
- d. Menghadiri mesyuarat
- e. Mengadakan perbincangan mengenai perniagaan / perdagangan
- f. Pemeriksaan kilang
- g. Mengaudit akaun syarikat
- h. Menandatangani perjanjian-perjanjian
- i. Menghadiri seminar-seminar
- j. Lawatan muhibah (*goodwill mission*) penuntut-penuntut atau menduduki peperiksaan peringkat Universiti
- k. Mengambil bahagian dalam perlawanan olahraga atau sukan dan
- l. Kegiatan-kegiatan khas yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Imigresen Malaysia

Terdapat dua (2) jenis PLS iaitu **PLS Jangka Pendek** yang boleh diluluskan untuk tempoh tidak melebihi 90 hari, dan **PLS Jangka Panjang** yang boleh diluluskan untuk tempoh melebihi 90 hari.

4.0 KATEGORI PAS

4.1 Pas Pelajar

Pas Pelajar ialah kelulusan yang diberikan oleh Jabatan Imigresen Malaysia kepada bukan warganegara untuk tinggal di Malaysia lebih daripada satu (1) bulan, hanya untuk tujuan pendidikan.

4.2 Pas Tanggungan

Pas Tanggungan (*Dependent Pass*) ialah sejenis Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang (*Long Term Social Visit Pass* atau LT-SVP) yang diluluskan oleh Jabatan Imigresen Malaysia untuk ahli keluarga terdekat pelajar (merangkumi ibubapa, suami, isteri, dan anak-anak pelajar) untuk tinggal di Malaysia sepanjang tempoh pengajian pelajar di Malaysia.

4.3 Pas Professional

Pas Profesional dikeluarkan kepada semua pelajar antarabangsa yang mengikuti kursus jangka pendek tidak melebihi tempoh 12 bulan seperti Program Penempatan Penyelidikan, Program Mobiliti Pelajar, Program Pertukaran Pelajar dan sebagainya. Pas ini akan diberikan berdasarkan tempoh penginapan mereka di Malaysia dengan bayaran sebanyak RM30 sebulan.

4.4 Pas Khas

Pas Khas ialah pas sementara yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen akibat keputusan yang belum selesai mengenai permohonan Pas Pelajar atau Pas Tanggungan dan hanya sah untuk tempoh maksimum tidak melebihi 30 hari.

5.0 KATEGORI PERMOHONAN PAS PELAJAR

5.1 Permohonan Baharu

5.1.1 Pelajar baharu di luar negara

Pelajar yang masih berada di negara asal atau luar Malaysia dan menerima surat tawaran untuk belajar di UMPSA perlu membuat permohonan Pas Pelajar secara dalam talian melalui portal EMGS. Unit Visa, UMPSA akan bertindak sebagai pemudah cara bagi permohonan tersebut sehingga calon pelajar menerima VAL. Calon pelajar tidak dibenarkan untuk masuk ke Malaysia sehingga menerima VAL.

5.1.2 Pelajar baharu yang telah berada di Malaysia

a. *Progression*

Pelajar yang telah menamatkan pengajian ijazah Sarjana Muda atau Sarjana mereka di institusi lain dan ingin melanjutkan pengajian ke peringkat seterusnya di UMPSA.

b. *Inter-Institutions Variation*

Pelajar dari institusi lain yang ingin mendaftar di UMPSA dalam peringkat pengajian yang sama (Sarjana Muda, Sarjana, atau Doktor Falsafah). Syarat pelajar hendaklah menamatkan sekurang-kurangnya satu (1) semester dalam program semasa, tidak melebihi semester ke 2 pengajian.

5.1.3 Pelajar sedia ada di UMPSA

a. *Progression*

Pelajar UMPSA sedia ada yang telah menamatkan Program Sarjana Muda atau Sarjana mereka dan ingin melanjutkan pengajian ke program Ijazah peringkat seterusnya di UMPSA. Permohonan hendaklah dihantar 3 bulan sebelum tarikh jangkaan kelulusan senat untuk menamatkan program semasa.

b. Conversion

Pelajar UMPSA sedia ada yang mendapat kebenaran daripada Senat untuk menukar pengajian Ijazah semasa ke peringkat Ijazah seterusnya disebabkan kecemerlangan dalam akademik.

c. *Intra-Institutions Variation*

Pelajar UMPSA sedia ada yang ingin menukar program pengajian dalam universiti yang sama semasa tempoh pengajian mereka. Syarat pelajar hendaklah menamatkan sekurang-kurangnya satu (1) semester dalam program semasa, tidak melebihi semester ke 2 pengajian.

d. *Inter-Institutions Variation*

Pelajar UMPSA yang ingin mendaftar di institusi lain dalam peringkat pengajian yang sama (Sarjana Muda, Sarjana, atau Doktor Falsafah). Syarat pelajar hendaklah menamatkan sekurang-kurangnya satu (1) semester dalam program semasa, tidak melebihi semester ke 2 pengajian.

6.0 PERMOHONAN PAS PELAJAR

6.1 Pelajar Baharu di Luar Negara – Surat Kelulusan Visa (VAL)

- a. Peraturan semasa imigresen tidak membenarkan seseorang calon pelajar menggunakan Pas Lawatan Sosial (PLS) atau Visa Pelancong untuk masuk ke Malaysia sebelum menerima Surat Kelulusan Visa (VAL).
- b. Berkuat kuasa pada 1 Januari 2014, semua pelajar antarabangsa baharu mesti mendapatkan VAL/VDR sebelum memasuki Malaysia. Pertukaran daripada PLS atau Visa Pelancong kepada Pas Pelajar tidak lagi dibenarkan.
- c. Surat Kelulusan Visa yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia membolehkan pelajar masuk ke Malaysia untuk tujuan pengajian. Surat Kelulusan (VAL) ini sah selama 6 bulan dari tarikh dikeluarkan.
- d. Pelajar disyorkan memohon VAL tiga (3) bulan sebelum meninggalkan negara asal mereka untuk kemasukan ke UMPSA.
- e. Pelajar dari negara yang tidak memerlukan visa dan beberapa negara yang memerlukan visa yang dinyatakan oleh Jabatan Imigresen dan tidak mempunyai Pejabat Wakil Malaysia, boleh masuk ke Malaysia dengan menunjukkan Surat Kelulusan Visa semasa ketibaan.
- f. **Pelajar dari negara yang tiada Malawakil, dibenarkan memohon *Visa on Arrival for Foreign Student (VOAS)* di Pintu Masuk dengan syarat perlu mengemukakan Surat Kelulusan Pas Pelajar semasa ketibaan.**
- g. Pelajar dari negara yang memerlukan visa mesti mendapatkan visa sekali masuk di Pejabat Wakil Malaysia yang terdekat dengan tempat tinggal mereka sebelum masuk ke Malaysia.
- h. Pelajar dikehendaki memasuki Malaysia dalam tempoh 3 bulan selepas pengeluaran Visa Sekali Masuk. Setelah tiba, pelajar akan diberikan pas lawatan sosial untuk 30 hari.

6.2 Pelajar Baharu di Malaysia – Pindahan Institusi

- a. Pelajar yang mempunyai pas pelajar daripada institusi pendidikan lain perlu memendekkan dan membatalkan pas pelajar semasa sebelum mendaftar di UMPSA. Dalam kebanyakan kes, pas khas wajib dibuat dengan institusi pendidikan sebelumnya untuk memberikan masa yang mencukupi bagi permohonan pas pelajar baharu di institusi baru.

- b. Pelajar yang memegang pas pelajar yang sah yang dikeluarkan di bawah satu kolej / universiti tidak dibenarkan untuk belajar di mana-mana institusi lain.
- c. Pelajar yang berpindah dari institusi akademik lain di Malaysia atau yang pernah belajar di Malaysia perlu mengemukakan dokumen tambahan berikut semasa pendaftaran di UMPSA:
 - i. Surat pelepasan / kebenaran asal daripada institusi sebelumnya
 - ii. Laporan kehadiran daripada institusi sebelumnya
 - iii. Keputusan akademik daripada institusi sebelumnya
 - iv. Surat pembatalan visa dengan pengesahan daripada EMGS / Jabatan Imigresen.

6.3 PERMOHONAN BAHARU PAS PELAJAR (*ONE-OFF*)

6.3.1 Peraturan *Pas Pelajar One-Off*

- a. Kemudahan permohonan Pas Pelajar secara *one-off* mengikut tempoh pengajian minimum hanya diberikan kepada pelajar yang mengikuti pengajian di UMPSA tertakluk kepada kelulusan JIM.
- b. Walau bagaimanapun, jika pelajar memilih tempoh pas yang kurang dari tempoh pengajian, maka pelajar tersebut perlu memperbaharui pas tersebut secara tahunan sehingga tamat pengajian.
- c. Kemudahan ini diberikan kepada pelajar yang bakal mengikuti kursus tahap **Ijazah Sarjana Muda (*Degree*)**, **Ijazah Sarjana (*Master*)** dan **Ijazah Doktor Falsafah (*PhD*)**.
- d. Sekiranya pelajar **tidak dapat** menamatkan pengajian dalam jangka masa yang dinyatakan dalam surat tawaran asal, pelanjutan Pas Pelajar akan diberi secara tahunan iaitu minima **enam (6) bulan** atau **dua belas (12) bulan yang mana lebih singkat** tertakluk kepada pengesahan UMPSA dan keperluan menamatkan pengajian.
- e. Pelajar hendaklah **memiliki tempoh sah laku pasport yang mencukupi dan selaras dengan tempoh pengajian** yang dinyatakan dalam surat tawaran pengajian.
- f. Pelajar yang **tidak memiliki tempoh sah laku pasport yang**

mencukupi akan diberi kelulusan secara tahunan iaitu **dua belas (12) bulan ke dua belas (12) bulan** selaras dengan syarat-syarat yang sedang berkuatkuasa.

- g. Pelajar **TIDAK DIBENARKAN** membuat sebarang pertukaran **kursus** di sepanjang tempoh pengajian.
- h. Pelajar hendaklah **TIDAK tersenarai dalam Senarai Syak** Jabatan Imigresen Malaysia atau **mempunyai rekod jenayah**.
- i. Pelajar hendaklah **menjalani pemeriksaan kesihatan dan memiliki insurans kesihatan di Malaysia** selaras Garis Panduan Pemeriksaan Kesihatan dan Perlindungan Insurans bagi Pelajar Antarabangsa yang masih berkuatkuasa.

6.3.2 Tanggungjawab EMGS dan UMPSA

- a. Pengeluaran iKad oleh EMGS masih dibuat secara tahunan dengan mengemukakan dokumen keputusan akademik, rekod kehadiran dan salinan *cover note* insurans tahunan semasa. Rekod kehadiran minimum adalah 80% dan CGPA minimum 2.00.
- b. EMGS dan KPT akan membuat semakan secara tahunan dari aspek kehadiran ke kuliah dan keputusan peperiksaan. Pelajar masih tertakluk kepada syarat minimum kehadiran 80% dan CGPA minimum 2.00 setiap tahun.
- c. Mana-mana pelajar yang tidak menepati syarat yang dinyatakan di para 1 dan 2 boleh **tidak dilanjutkan pembaharuan iKad** dan EMGS akan memaklumkan kepada JIM untuk **pembatalan Pas Pelajar serta merta**.
- d. UMPSA wajib mengemukakan keputusan akademik dan rekod kehadiran setiap penggal pengajian kepada EMGS bagi tujuan pembaharuan iKad dan rekod JIM.
- e. UMPSA bertanggungjawab melaporkan segera kepada KPT, JIM, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan EMGS sebarang isu atau masalah pelajar antarabangsa seperti status pelajar, kehadiran, keputusan akademik dan salahlaku.

6.3.3 Keperluan Memo Periksa Keluar

- a. UMPSA **diwajibkan** memohon Memo Periksa Keluar (*Check Out Memo*) daripada JIM bagi pelajar yang akan tamat atau ditamatkan pengajian dan memastikan mereka pulang ke negara asal dengan menggunakan Memo Periksa Keluar.
- b. Kegagalan melaporkan kepada JIM status pelajar yang telah tamat atau ditamatkan pengajian boleh disenarai hitam daripada pengambilan pelajar antarabangsa.

6.3.4 Pembatalan Pas Pelajar

Pas Pelajar boleh dibatalkan sekiranya Pemegang Pas Pelajar tersebut telah melanggar syarat-syarat pas yang berkuatkuasa, mendapat bantahan daripada Polis Diraja Malaysia; dan diarahkan oleh Ketua Pengarah Imigresen Malaysia di bawah Seksyen 9(1)(b) Akta Imigresen 1959/63 atau Per.19(1)(a) Peraturan-peraturan Imigresen 1963.

6.3.5 Tempoh Kelulusan

- a. Tempoh kelulusan **Pas Pelajar adalah mengikut tempoh pengajian minimum** (tiga (3) tahun atau yang mana lebih singkat) seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran belajar oleh UMPSA.
- b. Kemudahan Pas Pelajar mengikut tempoh pengajian tertakluk hanya kepada pelajar (prinsipal). Tempoh kelulusan kemudahan **Pas Lawatan (Sosial)** jangka panjang tanggungan/pengiring kepada pelajar (prinsipal) adalah selama **dua belas (12) bulan ke dua belas (12) bulan** dan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

6.3.6 Keperluan Pembaharuan Insuran dan iKad

- a. Merujuk kepada perkara 6.3.2, insuran dan iKad pelajar masih dikeluarkan untuk tempoh setahun sahaja, walaupun pas yang diluluskan kepada pelajar adalah melebihi tempoh tersebut.
- b. Pelajar dikehendaki memperbaharui insuran dan iKad tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh, atau selewat-lewatnya dua (2) bulan sebelum tamat tempoh.

- c. **Jika pelajar gagal untuk memperbaharui sehingga tarikh tamat tempoh sah insurans dan iKad tersebut, pelajar secara automatik akan ditangguhkan pengajian dan pas pelajar tersebut akan dipendekkan.**
- d. Setelah tamat tempoh penangguhan di perkara (c), pelajar perlu memohon semula pas pelajar seperti mana permohonan baharu dengan mengemukakan baki tempoh pengajian berdasarkan surat tawaran asal.

6.4 PENDAFTARAN PELAJAR SECARA DALAM TALIAN TANPA PERLU HADIR KE MALAYSIA PADA SEMESTER PERTAMA

Pelajar antarabangsa boleh membuat pilihan untuk membuat pendaftaran pelajar secara dalam talian tanpa perlu hadir ke Malaysia secara fizikal untuk semester pertama sahaja dalam tempoh sah laku E-VAL selama 6 bulan. Pada semester berikutnya, pelajar perlu hadir ke UMPSA secara fizikal bagi proses permohonan pas pelajar. Sekiranya pelajar gagal untuk mendapatkan pas pelajar sebelum bermula semester berikutnya, pelajar tersebut akan ditangguhkan pengajian secara automatik.

6.5 PEMBAHARUAN PAS PELAJAR / PAS TANGGUNGAN

6.5.1 Permohonan pembaharuan Pas Pelajar/Pas Tanggungan mesti dihantar ke Unit Visa (3) bulan sebelum tarikh luput pas semasa.

NO	KATEGORI	PENALTI (RM)
1	PEMBAHARUAN PAS : Sebarang permohonan yang dihantar kurang daripada 2 bulan (8 minggu) akan dikenakan penalti seperti berikut	i) Kesalahan pertama dengan justifikasi munasabah: RM300 Kelulusan diberikan atas budi bicara Pengarah Pejabat Antarabangsa ii) Kesalahan kedua dan seterusnya: RM500

6.5.2 Kelulusan untuk pembaharuan juga tertakluk kepada:

- Kehadiran pelajar sekurang-kurangnya 80% (Pelajar Sarjana Muda) berdasarkan tahap kursus pengajian dengannya untuk semester yang terkini.
- Pelajar juga perlu memperolehi CGPA 2.0 dan ke atas atau LULUS atau IN PROGRESS (Master dan PhD).
- Jabatan Imigresen dimaklumkan dengan alasan yang sah bagi ketidakhadiran kelas selama 3 hari berturut-turut.
- Jabatan Imigresen berhak menolak dan membatalkan permohonan berdasarkan kehadiran yang lemah dan keputusan akademik yang rendah.
- Tempoh pengajian tidak melebihi tempoh yang diluluskan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

6.5.3 Permohonan Lanjutan Tidak Diluluskan EMGS / JIM

- a. Antara sebab permohonan pelanjutan tidak disokong:
 - i. Tempoh pengajian melebihi tempoh yang diluluskan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA);
 - ii. Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) pelajar kurang daripada 2.0;
 - iii. Kehadiran kelas kurang daripada 80 peratus; dan/atau
 - iv. Terdapat keraguan di dalam permohonan yang dikemukakan.
- b. Permohonan yang ditolak EMGS dan/atau JIM melalui *Student Application & Registration System* (STARS) akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pertimbangan Sokongan Rayuan (MJKPSR) Pas Visa Pelajar Antarabangsa.

6.6 PAS TANGGUNGAN

- a. Pelajar yang telah berkahwin dinasihatkan untuk masuk ke Malaysia seorang diri terlebih dahulu sebelum Pas Pelajar dikeluarkan. Pas Tanggungan hanya boleh dipohon selepas Pas Pelajar diluluskan dan dikeluarkan.
- b. Pelajar yang ingin membawa tanggungan mereka ke Malaysia dinasihatkan untuk memohon Visa dengan Rujukan (VDR) melalui Unit Visa terlebih dahulu. Kegagalan mematuhi perkara ini akan menyebabkan universiti tidak bertanggungjawab ke atas penginapan tanggungan tersebut di Malaysia.
- c. Tanggungan dinasihatkan memohon Visa dengan Rujukan (VDR) sebelum masuk ke Malaysia. Setelah Pas Pelajar diluluskan, pelajar boleh memohon VDR/VAL untuk mendapatkan visa (Pas Tanggungan) bagi ahli keluarga mereka untuk masuk ke Malaysia. Ahli keluarga yang masuk ke Malaysia tanpa VDR/VAL dan ingin memohon visa tanggungan tidak perlu membayar Journey Performed Fee.
- d. Tanggungan yang dibenarkan dibawa masuk ke Malaysia adalah ahli keluarga terdekat sahaja iaitu pasangan suami atau isteri, anak, ibu dan bapa kandung pelajar.
- e. Hanya pelajar pascasiswazah yang dibenarkan membawa tanggungan dan pelajar Sarjana Muda dari negara tertentu yang dibenarkan membawa tanggungan mengikut kelulusan semasa yang berkuatkuasa.

6.7 PAS GRADUAN

6.7.1 Pas Graduan ialah Pas Lawatan Sosial yang membolehkan pelajar antarabangsa tinggal di Malaysia selama setahun selepas tamat pengajian. Pas ini membolehkan pelajar melakukan perjalanan dan bekerja dalam sektor pekerjaan yang dibenarkan. Pas ini hanya diberikan kepada negara tertentu mengikut kelulusan semasa yang berkuatkuasa.

6.7.2 Syarat Kelayakan:

- a. Pasport pelajar mesti sah sekurang-kurangnya 18 bulan.
- b. Pas Graduan hanya dikeluarkan kepada pelajar yang telah menamatkan pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda atau lebih tinggi.
- c. Pelajar mesti menyediakan surat pengesahan daripada institusi pendidikan pelajar yang membuktikan bahawa pelajar telah berjaya menamatkan kursus.
- d. Pelajar mesti mempunyai Pas Pelajar yang sah semasa proses permohonan Pas Graduan.
- e. Pelajar mesti mempunyai polisi insurans kesihatan yang aktif sepanjang tempoh Pas Graduan.
- f. Pelajar mesti menyediakan bon peribadi dengan seorang warganegara Malaysia sebagai penjamin, yang mesti mempunyai pendapatan bulanan minimum sebanyak RM 1,500.
- g. Pelajar tidak boleh mempunyai sebarang sabitan undang-undang di Malaysia.

6.8 KEBENARAN BELAJAR KEPADA PEMEGANG PAS PENGGAJIAN

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) membenarkan pemegang Pas Penggajian (ekspatriat) di Malaysia untuk menyambung pengajian di mana-mana institusi pengajian tinggi di Malaysia tanpa perlu memohon Pas Pelajar. Namun, calon pelajar perlu memohon kebenaran belajar daripada JIM dengan mengemukakan dokumen-dokumen seperti di Lampiran E ke pejabat imigresen negeri yang berkenaan (dalam kes-kes UMPSA, Jabatan Imigresen Negeri Pahang) yang akan diuruskan oleh Sumber Manusia syarikat masing-masing.

6.9 KEBENARAN BELAJAR KEPADA PEMEGANG PAS DIPLOMATIK

Prosedur permohonan kebenaran belajar atau melanjutkan pengajian kepada diplomat dan pegawai kerajaan luar negara:

- a. Hanya diplomat dan pegawai kerajaan luar negara yang merupakan pemegang Pasport Diplomatik/Rasmi yang bertugas rasmi di Malaysia sahaja akan dipertimbangkan untuk diberi kemudahan endosmen kebenaran belajar bagi melanjutkan pengajian secara sambilan di IPT Malaysia;
- b. Permohonan endosmen kebenaran belajar secara sambilan perlu dikemukakan kepada pihak Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan tertakluk kepada surat sokongan kebenaran belajar daripada pihak Kementerian Luar Negeri (KLN) serta surat tawaran kemasukan daripada pihak IPT;
- c. Diplomat dan pegawai kerajaan luar negara hendaklah membuat permohonan untuk melanjutkan pengajian yang ditawarkan secara terus kepada IPT bagi mendapatkan surat tawaran kemasukan ke IPT;
- d. Perakuan bagi pemegang Pasport Diplomatik/Rasmi yang bertugas rasmi di Malaysia dan surat sokongan kebenaran belajar perlu dimohon daripada Bahagian Protokol, KLN sebelum memohon endosmen kebenaran belajar daripada JIM;
- e. Hanya diplomat dan pegawai kerajaan luar negara yang mendapat perakuan dan sokongan kebenaran belajar daripada KLN sahaja akan diberi pertimbangan kemudahan endosmen kebenaran belajar dan permohonan perlu dibuat melalui Bahagian Khidmat Ekspatriat, JIM.
- f. Tiada kekebalan dan keistimewaan diperuntukkan ke atas pemegang Pasport Diplomatik/Rasmi apabila pemegang Pasport Diplomatik/Rasmi yang bertugas di Malaysia telah tamat tempoh penugasannya (end of duty in Malaysia). Pemegang Pasport Diplomatik/Rasmi perlu memohon Pas Pelajar sekiranya ingin meneruskan pengajian di IPT Malaysia setelah tamat tempoh penugasan mereka di Malaysia.

- g. Bagi permohonan yang tidak disokong; atau merupakan pemegang Pasport Diplomatik/Rasmi yang tidak bertugas secara rasmi di Malaysia, mereka perlu memohon Pas Pelajar sekiranya ingin melanjutkan pengajian di IPT Malaysia dan tidak akan diberi endosmen kebenaran belajar. Permohonan kemasukan ke IPT Malaysia perlu dibuat melalui Education Malaysia Global Services (EMGS) menerusi sistem STARS/ laman web EMGS, www.educationmalaysia.gov.my dan perlu mematuhi segala prosedur permohonan Pas Pelajar sedia ada yang berkuatkuasa; dan carta alir adalah seperti di Lampiran F.

7.0 PENAMATAN PAS PELAJAR

7.1 Pembatalan Pas Pelajar

- a. UMPSA wajib menguruskan dan memohon memo periksa keluar (*check-out memo*) dan pemendekan pas pelajar daripada JIM bagi pelajar antarabangsa yang menamatkan pengajian/ penangguhan/ berhenti/ diberhentikan.
- b. UMPSA perlu mengemaskini rekod dan menyimpan dokumen keluar pelajar antarabangsa yang menamatkan pengajian/ berhenti/ diberhentikan berserta salinan pemendekan pas pelajar.
- c. Pelajar yang ingin menangguhkan pengajian, menarik diri, atau telah diberhentikan tidak lagi layak menggunakan Pas Pelajar. Pelajar dikehendaki melaporkan diri ke Pejabat Unit Visa dan membawa tiket penerbangan yang telah disahkan untuk pembatalan Pas Pelajar dalam tempoh 21 hari selepas menerima surat daripada Perkhidmatan Akademik. Bagi yang ingin memohon visa dengan pihak kedutaan negara masing-masing, pelajar perlu mendapatkan surat pengesahan daripada pihak kedutaan.
- d. Kegagalan mematuhi prosedur ini akan menyebabkan Universiti membuat laporan polis dan seterusnya memaklumkan kepada Jabatan Imigresen untuk membatalkan pas pelajar.

7.2 Penangguhan Pengajian

- a. UMPSA hanya boleh membenarkan pelajar antarabangsa menangguhkan pengajian sebanyak dua (2) kali (semester) sepanjang tempoh pengajian maksimum yang dibenarkan oleh KPT atas sebab-sebab kesihatan sahaja (seperti sakit kronik/ sakit mental/ bersalin/ kemalangan) dengan mengemukakan:
 - i. surat sokongan penangguhan pengajian daripada institusi; dan
 - ii. surat sokongan daripada doktor pakar yang mengesahkan ketidakupayaan pelajar meneruskan pengajian.
- b. Pelajar antarabangsa yang dibenarkan penangguhan atas faktor yang disebut pada para 7.2 (a) di atas tidak perlu dibuat pemendekan pas pelajar dan dibenarkan berada di Malaysia selagi pas pelajar masih dalam tempoh sah laku.
- c. Pelajar antarabangsa masih boleh memohon untuk menangguhkan pengajian sebanyak dua (2) kali (semester) sepanjang tempoh pengajian maksimum yang dibenarkan oleh KPT atas faktor selain daripada faktor yang disebut pada para 7.2 (a). Walau bagaimanapun, UMPSA perlu membuat pemendekan pas pelajar dan pelajar dikehendaki pulang ke negara asal.
- d. Setelah tamat tempoh penangguhan bagi para 7.2 (c), pelajar perlu memohon semula pas pelajar seperti mana permohonan baharu dengan mengemukakan baki tempoh pengajian berdasarkan surat tawaran asal.
- e. UMPSA perlu menyelenggara rekod dan menyimpan salinan surat tawaran, surat kelulusan penangguhan dan dokumen sokongan yang berkaitan berserta salinan pemendekan pas pelajar bagi pelajar antarabangsa yang menangguhkan pengajian.
- f. UMPSA dikehendaki memastikan pelajar memiliki perlindungan insurans kesihatan Malaysia yang sah disepanjang tempoh pengajian.

7.3 Tamat Tempoh Pas Pelajar Semasa di Luar Negara

- a. Pelajar yang pas dan visanya telah tamat tempoh semasa berada di luar negara disarankan untuk memohon secara dalam talian melalui EMGS sebelum masuk semula ke Malaysia. Prosedur permohonan adalah seperti permohonan pas pelajar baharu.
- b. Pelajar perlu mengikut prosedur selepas ketibaan di Malaysia seperti pelajar baharu dan dikehendaki melaporkan diri di Pejabat Unit Visa dalam tempoh 7 hari bagi proses permohonan pas pelajar.

7.4 Pelajar Antarabangsa yang Gagal Dikesan

- a. Pelajar antarabangsa yang didapati gagal menghadirkan diri ke kelas tanpa sebab yang munasabah dan gagal dikesan dalam tempoh 14 hari dikehendaki mengambil tindakan serta merta mengikut prosedur berikut:
 - i. Membuat laporan polis;
 - ii. Membuat semakan status pergerakan kepada JIM Negeri;
 - iii. Mengemukakan senarai nama pelajar antarabangsa gagal dikesan kepada pihak JIM Negeri untuk tindakan menyenaraihitam serta mendapatkan pengesahan penerimaan secara bertulis oleh JIM Negeri; dan
 - iv. Memaklumkan kepada pihak Kedutaan berkenaan secara surat rasmi dan mendapatkan pengesahan penerimaan pihak Kedutaan.
- b. UMPSA perlu memastikan status keberadaan setiap pelajar antarabangsa yang hilang dan gagal dikesan dengan menggunakan kesemua sumber saluran yang ada (kedutaan, media sosial, rekod JIM dan lain-lain).

8.0 PERLINDUNGAN INSURANS PELAJAR

- 8.1 Adalah wajib bagi setiap pelajar yang memasuki Malaysia untuk memiliki insurans perubatan. Semua pelajar antarabangsa mesti dilindungi oleh skim insurans kesihatan perubatan yang dibeli secara tempatan. Pelajar akan dilindungi oleh insurans bermula dari tarikh ketibaan mereka di Malaysia sekiranya mereka memaklumkan tarikh tersebut kepada institusi anda sebaik sahaja tiba.
- 8.2 Pelajar wajib untuk memiliki plan insurans perubatan yang sah sepanjang tempoh pengajian. Pelajar antarabangsa yang tempoh perlindungan insurans perubatan dan kesihatannya tamat sebelum tamatnya pas pelajar yang sedia ada dikehendaki untuk menambah atau melanjutkan tempoh insurans mereka. Penambahan atau lanjutan ini hendaklah mencukupi untuk meliputi tempoh sehingga tamatnya pas pelajar yang sedia ada atau maksimum 12 bulan dari tarikh permulaan insurans, mana-mana yang lebih pendek.
- 8.3 Pelajar antarabangsa boleh memilih salah satu daripada Insurans Perubatan yang ditawarkan oleh EMGS.
- 8.4 Pakej insurans yang disediakan memenuhi keperluan perlindungan minimum yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

9.0 KERJA SEPARUH MASA

Pelajar dengan Pas Pelajar yang sah hanya dibenarkan bekerja secara separuh masa. Universiti tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan di masa hadapan akibat salah laku berkaitan perkara ini. Permohonan untuk pekerjaan separuh masa mesti dihantar melalui Pejabat Unit Visa, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- a. Pelajar dibenarkan bekerja separuh masa selama 20 jam seminggu semasa cuti semester atau cuti melebihi 7 hari.
- b. Pelajar dibenarkan bekerja separuh masa hanya di Restoran, Stesen Minyak, Pasar Mini, dan Hotel (tetapi tidak sebagai penyanyi, tukang urut, pemuzik, GRO, atau terlibat dalam aktiviti lain yang dianggap tidak bermoral) selagi Pas Pelajar masih sah.
- c. Pelajar tidak dibenarkan bekerja sebagai juruwang.
- d. Kebenaran untuk bekerja separuh masa boleh dilanjutkan oleh Jabatan Imigresen bergantung pada laporan kehadiran dan akademik pelajar.

10.0 ENDORSEMENT TRANSFER

- 10.1 Pelajar yang memperbaharui atau menukar pasport atas sebarang sebab diwajibkan memindahkan pelekat Pas Pelajar daripada pasport lama ke pasport baharu dengan segera kepada Pihak UMPSA dan permohonan akan dibawa ke Jabatan Imigresen Kuantan.
- 10.2 Pas Pelajar tidak lagi sah dalam pasport lama.

11.0 PAS KHAS DAN TINGGAL LEBIH MASA

11.1 Pas Khas

- a. Pas Khas dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) untuk menangani kes-kes di mana keputusan permohonan pas pelajar atau pas lawatan sosial masih dalam proses penyelesaian. Pas ini hanya sah untuk tempoh maksimum sehingga 30 hari.
- b. Pas Khas boleh dikeluarkan untuk kali pertama dengan tempoh sah selama 30 hari. Permohonan untuk kali kedua dan seterusnya memerlukan justifikasi yang kukuh serta tertakluk sepenuhnya kepada budi bicara pihak JIM.
- c. Sekiranya permohonan Pas Khas gagal atas sebab-sebab tertentu yang tidak berkaitan, pelajar berisiko tinggal lebih masa (*overstay*), yang boleh membawa kepada tindakan undang-undang atau penalti oleh pihak imigresen.
- d. Permohonan bagi mendapatkan Pas Khas perlu dibuat sekurang-kurangnya 2 minggu sebelum tarikh tamat pas pelajar bagi mengelakkan tinggal lebih masa (*overstayed*).

11.2 Tinggal Lebih Masa

- a. Pelajar yang tinggal melebihi tarikh luput Pas Pelajar.
- b. Pelajar yang tinggal lebih masa bawah 60 hari dipertimbangkan lanjutan pas pelajar manakala bagi yang melebihi 60 hari lanjutan pas pelajar tidak akan dipertimbangkan.
- c. Pas pelajar yang tamat tempoh melebihi 30 hari akan dirujuk ke Bahagian Penguatkuasa untuk disoal siasat oleh Pegawai Penguatkuasa Imigresen, bersama dengan Pegawai Unit Visa UMPSA.
- d. Mengikut Seksyen 15(4) Akta Imigresen 1959/63, penalti bagi kesalahan tinggal lebih masa adalah:
 - i. Denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya.
 - ii. Kompaun sebanyak RM3,000.

12.0 BON PERIBADI (*PERSONAL BOND*)

- 12.1 Jabatan Imigresen Malaysia menghendaki universiti menandatangani *Personal Bond* bagi pihak pemohon, yang mengikat universiti untuk jumlah yang dipertaruhkan oleh pelajar.
- 12.2 *Personal Bond* akan dipulangkan selepas pembatalan Pas Pelajar, dengan syarat tiada tuntutan lain terhadap pemohon setelah tamat pengajian di UMPSA.
- 12.3 Pelajar mesti mengemukakan permohonan pembatalan sekurang-kurangnya 21 hari (hari bekerja) sebelum tarikh perjalanan.
- 12.4 Sila berunding dengan Pegawai Unit Visa sebelum membeli tiket penerbangan. UMPSA tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesulitan atau kerugian bagi sebarang pengaturan yang dibuat oleh pelajar.
- 12.5 Universiti tidak akan membuat sebarang pembayaran kepada pihak ketiga yang membuat tuntutan bagi pihak pelajar.
- 12.6 Pelajar boleh menuntut *personal bond* dalam tempoh 3 bulan selepas tamat pengajian di UMPSA.
- 12.7 Kadar bayaran *personal bond* adalah mengikut negara berdasarkan kelulusan semasa yang berkuatkuasa.


13.0 SARINGAN KESIHATAN


- 13.1 Pelajar hanya dibenarkan untuk belajar di UMPSA melepasi tahap saringan kesihatan berdasarkan peraturan kesihatan yang berkuatkuasa dari pihak berwajib.
- 13.2 Pelajar dikehendaki menjalani saringan perubatan selepas ketibaan di mana-mana klinik/hospital yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dalam tempoh 7 hari bekerja selepas memasuki Malaysia.
- 13.3 Laporan perubatan lengkap mesti disahkan oleh Pegawai Perubatan UMPSA. Semua bayaran berkaitan pemeriksaan perubatan tidak termasuk dalam yuran pengajian dan perlu ditanggung sendiri oleh pelajar.
- 13.4 Ini adalah proses wajib, dan kegagalan untuk melengkapkan pemeriksaan ini boleh menyebabkan visa pelajar dibatalkan.
- 13.5 UMPSA berhak meminta ujian ulang jika terdapat sebarang keraguan terhadap penemuan laporan perubatan awal.
- 13.6 Pihak Imigresen berhak membatalkan sebarang pas pelajar/tanggungan atau visa jika terdapat bukti maklumat palsu dalam laporan dan/atau dokumen sokongan.
- 13.7 Jika pelajar gagal dalam pemeriksaan perubatan, tiada bayaran balik akan diberikan.
- 13.8 Pelajar dibenarkan membuat rayuan dan menjalani semula ujian jika gagal, tetapi kos tambahan yang ditanggung akan menjadi tanggungjawab pelajar.

14.0 PERATURAN AM

- 14.1 Semua peraturan dan prosedur permohonan visa dan pas pelajar antarabangsa adalah tertakluk kepada pekeliling dan undang-undang yang berkuatkuasa daripada JIM dan EMGS dari semasa ke semasa.
- 14.2 Unit Visa akan memproses permohonan pembatalan/pemendekan tempoh pas dan visa bagi pelajar yang menangguh, menarik diri, berpindah, atau diberhentikan dari universiti. Walau bagaimanapun, untuk mendapatkan surat pelepasan daripada universiti, pelajar perlu mengikuti proses pelepasan universiti bagi memastikan mereka tidak mempunyai sebarang hutang tertunggak dengan universiti (fakulti, perpustakaan, jabatan kewangan, asrama, dan lain-lain).
- 14.3 Pelajar yang tidak hadir ke kelas selama tiga (3) hari berturut-turut akan dilaporkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia. Pelajar antarabangsa yang kehadirannya di bawah peratusan yang diperlukan akan dilaporkan atas ketidakhadiran mengikut keperluan Kerajaan Malaysia, dan Pas Pelajar mereka tidak akan diperbaharui.
- 14.4 Pelajar bertanggungjawab memantau tarikh tamat tempoh pasport dan pas pelajar mereka. Sebarang penalti yang dikenakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia akibat kelewatan lanjutan atau tamat tempoh Pas Pelajar perlu ditanggung oleh pelajar.
- 14.5 Kelulusan Pas Pelajar biasanya mengambil masa antara 14 hingga 60 hari bekerja. UMPSA mungkin tidak dapat memperoleh Pas Pelajar tepat pada masanya jika permohonan ke UMPSA diterima kurang daripada 8 minggu sebelum tarikh tamat tempoh semasa atau untuk Surat Kelulusan Visa (VAL) kurang daripada 3 bulan sebelum tarikh pengambilan program.
- 14.6 Adalah wajib untuk memohon dan memperbaharui Pas Pelajar melalui Pejabat Unit Visa UMPSA. Kegagalan berbuat demikian akan menjadi pelanggaran peraturan Jabatan Imigresen Malaysia. Walaupun universiti membantu pelajar dalam permohonan Pas Pelajar mereka, UMPSA tidak bertanggungjawab atas sebarang perubahan dasar oleh Jabatan Imigresen Malaysia berkenaan dengan pengeluaran Pas Pelajar.
- 14.7 Semua caj pemprosesan UMPSA, JIM, EMGS adalah mengikut kelulusan semasa yang berkuatkuasa.

ANNEX I: CARTA ALIR PERMOHONAN PAS PELAJAR DAN VISA BAGI PELAJAR BAHARU



**CARTA ALIR PERMOHONAN PENDAFTARAN PELAJAR SECARA ATAS TALIAN
TANPA PERLU HADIR KE MALAYSIA PADA SEMESTER PERTAMA****Tugas: Urusan pengeluaran Pas Pelajar**

***Pelajar akan ditangguhkan pengajian secara automatik pada semester berikutnya sekiranya gagal melengkapkan permohonan pas pelajar dan perlu melaporkan diri secara fizikal di UMPSA.**

ANNEX II- LANGKAH-LANGKAH MEMOHON VISA PELAJAR (PROGRAM SEPENUH MASA) MELALUI LAMAN WEB EMGS

Pertama sekali, anda mesti mendaftar akaun anda sebelum meneruskan permohonan

LOGIN OR CREATE AN ACCOUNT

NEW USER

By creating an account, you will be able to apply for your Student Visa, view and track your application, and more.

[Create an Account](#)

REGISTERED USER

If you have an account with us, please log in.

Email Address*

Password*

[Forgot Your Password?](#)

[Login](#)

Pertama sekali, anda mesti mendaftar akaun anda sebelum meneruskan permohonan

CREATE AN ACCOUNT

PERSONAL INFORMATION

First Name*

Last Name*

Email Address*

☐ Sign Up for Newsletter

Date of Birth

DD MM YYYY

LOGIN INFORMATION

Password*

Confirm Password*

CARA MENGISI BORANG PERMOHONAN

LANGKAH 1

Anda dikehendaki mengisi butiran mengenai kursus dan institusi yang anda mohon. Maklumat berikut diperlukan:

1. **Jenis Institusi:** Pilih Pendidikan Tinggi Awam
2. **Nama Institusi:** Pilih Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)
3. **Tahun Pengambilan:** Seperti dalam surat tawaran
4. **Bulan Pengambilan:** Seperti dalam surat tawaran
5. **Jenis Program:** Pilih Program Sepenuh Masa
6. **Nama Kursus:** Pilih Nama Kursus seperti dalam surat tawaran
7. **Kewarganegaraan Pemohon:** Tatal untuk memilih kewarganegaraan anda
8. **Nombor Dokumen Perjalanan:** Masukkan nombor pasport anda (nombor ini mesti sepadan dengan nombor pasport yang tertera dalam surat tawaran anda). Pastikan ini adalah pasport yang sama yang akan digunakan untuk perjalanan ke Malaysia.

Klik Apply Now untuk meneruskan ke langkah seterusnya.

LANGKAH 2

Setelah anda mengisi langkah pertama, **additional field** akan disediakan untuk meneruskan permohonan anda. Anda masih boleh melihat bidang yang telah diisi pada langkah pertama, namun kami mengesyorkan agar anda tidak mengubah tarikh yang telah dimasukkan. Jika anda perlu membuat sebarang perubahan, klik '**Back**' pada pelayar anda dan isi semula Langkah 1. Sebelum meneruskan ke Langkah 2, pastikan anda sudah mempunyai semua dokumen yang diperlukan dalam format PDF supaya ia dapat dimuat naik dengan lancar.

a) **a) Surat Tawaran**

(Saiz fail maksimum yang dibenarkan oleh sistem ialah 550KB. Pastikan semua halaman surat tawaran diimbis dan dimuat naik sebagai SATU fail PDF)

b) Halaman Pasport (semua halaman)

(Saiz fail maksimum yang dibenarkan oleh sistem ialah 2000KB. Pastikan imej jelas dan semua butiran boleh dilihat)

c) Foto Pasport

Pastikan lebar maksimum ialah 217px dan tinggi maksimum ialah 280px. Hanya foto pasport jpg diterima. Sila ambil perhatian bahawa hanya foto dengan latar belakang putih yang diterima. Sila rujuk panduan foto pasport

d) Transkrip Akademik dan Sijil

(Pastikan semua transkrip akademik dan sijil diimbis dan dimuat naik sebagai satu fail pdf). Saiz fail maksimum yang dibenarkan oleh sistem ialah 1000KB)

e) Borang Pengisytiharan Kesihatan

(Pastikan anda mengisi Borang Pengisytiharan Kesihatan)

Bidang tambahan berikut diperlukan untuk Langkah 2:

1. **Tempoh Pengajian Kursus (bulan):** Bidang ini akan diisi secara automatik berdasarkan kursus yang anda pilih.
2. **Tahap Kursus:** Bidang ini akan diisi secara automatik berdasarkan kursus yang anda pilih. Sila jangan ubah angka ini.
3. **Foto Pemohon:** EMGS mengesyorkan agar foto diambil secara profesional untuk memastikan ia mengikut garis panduan imej ICAO. Pastikan lebar maksimum ialah 217px dan tinggi maksimum ialah 280px. Hanya sambungan jpg diterima. Sila ambil perhatian bahawa hanya foto dengan latar belakang PUTIH yang diterima. Rujuk Panduan Foto Pasport
4. **Nama Pemohon:** Sila masukkan nama seperti yang tertera dalam zon pembaca mesin (MRZ) pasport anda. Untuk tujuan permohonan visa pelajar, kami hanya akan memberi tumpuan pada baris pertama yang mengandungi nama pelajar. Nama hendaklah ditulis sepenuhnya dalam huruf besar. Tanda baca (seperti tanda sempang) digantikan dengan watak pengisi (<). Nama keluarga ditulis terlebih dahulu, diikuti dengan dua watak pengisi (<<), kemudian baki nama diberikan.



Sila ikuti nama pada baris pertama selepas kod negara: Contohnya nama yang akan dimasukkan seperti yang dirujuk dalam gambar di atas ialah **Tester Ted. KEN** ialah kod negara KENYA.

5. **Jantina Pemohon:** Nyatakan jantina seperti yang tertera dalam pasport anda.
6. **Tempat / Negara Kelahiran Pemohon:** Nyatakan negara tempat anda dilahirkan seperti yang tercatat dalam pasport anda.
7. **Tarikh Lahir Pemohon (DD/MM/YYYY):** Ini harus sama seperti yang tercatat dalam pasport anda.
8. **Dapatkan Borang Single Entry Visa (SEV):**
(Pelajar asing dengan Surat Kelulusan Visa (VAL) yang telah diluluskan perlu mendapatkan Visa Masuk Tunggal dari Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara sebelum memasuki Malaysia. Namun, tidak semua negara memerlukan visa untuk masuk ke Malaysia). Jika anda seorang warganegara daripada negara yang memerlukan *Single Entry Visa* (SEV), sila pilih Kedutaan Malaysia terdekat dari mana anda boleh mendapatkan *Single Entry Visa* setelah Surat Kelulusan Visa (VAL) dikeluarkan. Jika anda seorang warganegara dari negara yang tidak memerlukan Visa untuk memasuki Malaysia, anda boleh memilih negara anda sendiri dalam bidang ini.

LAMPIRAN A

Peringatan: Jika anda memerlukan visa untuk memasuki Malaysia tetapi anda tidak berada di negara asal, anda boleh memilih Kedutaan Malaysia terdekat untuk mendapatkan *Single Entry Visa* setelah Surat Kelulusan Visa (VAL) dikeluarkan. Sila pilih medan ini terlebih dahulu sebelum memilih Kewarganegaraan Pelajar.

9. **Kewarganegaraan Pemohon:** Tatal untuk memilih kewarganegaraan anda.
10. **Jenis Dokumen Perjalanan:** Pilih pasport / dokumen perjalanan anda (Kebanyakan pelajar akan menggunakan Pasport Antarabangsa).
11. **Nombor Dokumen Perjalanan:** Nombor pasport anda akan diisi secara automatik dalam borang Langkah 1. Pastikan nombor ini betul dan sepadan dengan nombor pasport yang tertera dalam surat tawaran anda.
12. **Tempat Dikeluarkan Dokumen Perjalanan:** Pilih negara tempat pasport anda dikeluarkan. Ini harus sepadan dengan yang tertera dalam pasport anda.
13. **Tarikh Dikeluarkan Dokumen Perjalanan (DD/MM/YYYY):** Pilih tarikh ketika pasport anda dikeluarkan.
14. **Tarikh Tamat Tempoh Dokumen Perjalanan (DD/MM/YYYY):** Pilih tarikh tamat tempoh pasport anda. Ini harus sepadan dengan tarikh dalam pasport anda.
15. **Pas Pelajar Lanjutan (Tempoh Pas Pelajar yang Dikehendaki):** Pilih **ONE-OFF** atau 1 tahun untuk tempoh pas pelajar yang diiktiraf.
16. **Insurans:** Pakej insurans yang disediakan memenuhi keperluan perlindungan minimum yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (MOHE). Anda boleh memilih pakej yang diinginkan, dan boleh memilih salah satu daripada berikut:
 - Etiqa Family Takaful Berhad (EFTB)
 - Great Eastern Takaful Berhad (GETB)
 - The Pacific Insurance Berhad (TPIB)

Sila ambil perhatian bahawa perlindungan insurans dibayar secara tahunan, dan insurans mesti diperbaharui setiap tahun).

17. **Bayaran Pas Pelekat:** Pilih: Jabatan Imigresen Pahang (dibayar terus ke Jabatan Imigresen).UMPSA akan membayar terus kepada Jabatan Imigresen untuk yuran Imigresen sebanyak RM60.00.

18. **Yuran** **Visa:** Default.
Yuran *Single Entry Visa* dikenakan oleh Jabatan Imigresen bergantung pada kewarganegaraan pelajar. UMPSA akan membayar terus kepada Jabatan Imigresen (Rujuk Lampiran III).

19. **iKad:** Pilih: Kurier ke Institusi: +RM60.00
iKad adalah kad pengenalan untuk pelajar asing yang boleh digunakan sebagai pengenalan di Semenanjung Malaysia. Sila ambil perhatian bahawa iKad bukan pengganti pasport anda; pasport anda masih boleh diminta oleh pihak berkuasa kerajaan.

20. **Penyaringan Perubatan:** Pilih: Klinik Universiti Awam
Pelajar baru antarabangsa diwajibkan menghadiri penyaringan perubatan di Malaysia dalam masa 7 hari dari tarikh ketibaan di mana-mana klinik/hospital yang diluluskan

LAMPIRAN A

oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Laporan perubatan lengkap perlu disahkan oleh pegawai perubatan UMPSA. Yuran saringan perubatan ditanggung sepenuhnya oleh pelajar.

21. **eVAL:** Default (Yuran Pemprosesan +RM150.00)
Setelah permohonan diluluskan oleh Imigresen, notifikasi eVAL akan dihantar kepada pelajar dan institusi (Tiada cetakan VAL akan dikeluarkan). Pelajar perlu memuat turun dan mencetak eVAL untuk rujukan mereka. Pelajar dari negara yang memerlukan Visa Masuk Tunggal (SEV) boleh menghantar eVAL ke Kedutaan/Misi Malaysia sebagai sebahagian daripada permohonan SEV mereka. Pelajar yang tidak memerlukan SEV untuk memasuki Malaysia boleh datang ke Malaysia dengan eVAL; dan setibanya di Malaysia, pelajar akan menyerahkan salinan eVAL kepada Pegawai Imigresen di pintu masuk untuk memeriksa kesahihan eVAL dan mengeluarkan pas khas untuk kemasukan pelajar ke negara ini.
22. **Kaedah Penghantaran:** Pilih: Kurier ke Institusi: +RM10.00
EMGS mengenakan yuran kurier standard sebanyak RM10 untuk menghantar VAL ke institusi.
23. **Surat Tawaran:** Sila muat naik salinan imbasan surat tawaran dalam format PDF sahaja. Saiz fail maksimum yang dibenarkan oleh sistem ialah 550KB. Pastikan semua halaman surat tawaran diimbaskan dan dimuat naik sebagai SATU fail PDF.
24. **Halaman Pasport:** Sila muat naik salinan imbasan semua halaman Pasport anda dalam SATU fail PDF. Saiz fail maksimum yang dibenarkan oleh sistem ialah 2000KB. Pastikan imej jelas dan semua butiran boleh dilihat.
25. **Transkrip Akademik dan Sijil:** Sila pastikan semua Transkrip Akademik dan Sijil diimbaskan dan dimuat naik sebagai SATU fail PDF. Saiz fail maksimum yang dibenarkan oleh sistem ialah 1000KB.
26. **Borang Pengisytiharan Kesihatan:** Jika permohonan bebas daripada sebarang penyakit/keadaan, sila teruskan dengan mencentang di bawah lajur "YA".
27. Klik '**Apply Now**' untuk meneruskan.
28. Anda kemudian akan diminta untuk mengesahkan butiran permohonan. Klik 'Next' untuk meneruskan setelah menyemak butiran dan jumlah bayaran yang diperlukan. Sila ambil perhatian bahawa terdapat cukai kerajaan Malaysia sebanyak 6% yang dikenakan ke atas permohonan.
29. Jika anda belum mendaftar alamat bil, anda perlu mencipta satu sebelum meneruskan permohonan.
30. Pilih kaedah pembayaran yang akan digunakan dalam langkah Maklumat Pembayaran dan klik '**Continue**'. Terdapat dua cara untuk anda membayar permohonan Visa anda.
a) **Melalui institusi pendidikan anda:** Anda perlu membayar ke akaun EMGS melalui Pemindahan Telegraphik / Pemindahan Wang. Rujuk Lampiran (YURAN VISA). Salinan bukti pembayaran perlu dihantar kepada Pusat Hubungan Antarabangsa UMP untuk pengesahan. Pusat Hubungan Antarabangsa UMPSA akan mengesahkan dan menghantar bukti pembayaran kepada EMGS.
b) **Pembayaran Kad Kredit dalam talian menggunakan Visa atau MasterCard** di laman web educationmalaysia.gov.my. Sila ambil perhatian bahawa jika anda memilih kaedah pembayaran ini, terdapat surcaj 3% yang ditambah pada jumlah keseluruhan yang diminta untuk permohonan anda.
31. Semak dan sahkan jumlah keseluruhan serta butiran permohonan dalam tab '**Application Review**'. Baca Terma dan Syarat dan klik '**Submit Application**' setelah memilih kotak untuk mengesahkan bahawa anda bersetuju dengan pemprosesan data peribadi anda oleh EMGS.

LAMPIRAN A

32. Sekiranya anda memilih untuk membuat bayaran melalui institusi anda, permohonan anda akan dihantar kepada EMGS untuk pemprosesan. Anda akan menerima pemberitahuan bersama nombor permohonan untuk rujukan anda. Satu emel dengan butiran permohonan juga akan dihantar ke alamat emel yang anda gunakan semasa pendaftaran.
33. Jika anda memilih untuk membuat bayaran secara dalam talian terus kepada EMGS, pilih pilihan pembayaran '**Kad Kredit**', anda akan dialihkan ke iPay88 (Mobile88.com) untuk pembayaran yang selamat setelah anda mengesahkan butiran permohonan. Pembayaran akan dikira dalam Ringgit Malaysia (RM). Klik 'Teruskan' setelah anda memasukkan semua butiran yang betul.
34. Sila pastikan anda tidak meninggalkan halaman ini sehingga pembayaran selesai. Setelah pembayaran diluluskan oleh bank anda, anda akan dibawa semula ke Borang Permohonan untuk melengkapkan permohonan tersebut. Permohonan anda akan dihantar kepada EMGS untuk pemprosesan dan anda akan menerima pemberitahuan di bawah bersama nombor permohonan untuk rujukan anda. Sebuah emel dengan butiran permohonan dan pengesahan pembayaran juga akan dihantar ke alamat emel yang anda gunakan semasa pendaftaran.


APA YANG PERLU DILAKUKAN SETERUSNYA?

Anda perlu menyerahkan semua dokumen yang diperlukan ke Pejabat Unit Visa UMPSA untuk meneruskan proses. Setelah anda membuat permohonan visa pelajar, EMGS akan memberitahu Unit Visa UMPSA bahawa anda telah menghantar maklumat melalui laman web. Unit Visa akan mengesahkan permohonan anda sah kepada EMGS hanya setelah menerima satu set dokumen permohonan dalam bentuk salinan keras dari pihak anda.

Anda boleh menggunakan melayari laman web EMGS untuk menyemak status permohonan anda.


PEMBAHARUAN PAS

Tugas: Urusan lanjutan pas pelajar (Peringkat EMGS).



PROSES KERJA


Tugas: Urusan lanjutan ikad dan Insurans (Peringkat EMGS).




***Sekiranya pelajar tidak memperbaharui ikad dan insurans, status pelajar akan secara automatik ditangguhkan pengajian dan pas pelajar akan dipendekkan.**


PROSES KERJA

Tugas: **Urusan lanjutan pas pelajar (Peringkat Imigresen).**




CARTA ALIRAN KERJA PERMOHONAN : PERMOHONAN PAS TANGGUNGAN VISA DENGAN RUJUKAN (VDR)

CARTA ALIRAN KERJA PERMOHONAN : PERMOHONAN PAS TANGGUNGAN
JOURNEY PERFORMED (JP)



CARTA ALIRAN KERJA PERMOHONAN : PERMOHONAN PELEKAT PAS TANGGUNGAN



Senarai dokumen dan borang yang diperlukan untuk memohon Visa dengan Rujukan (VDR)

- Satu salinan surat tawaran UMPSA pelajar
- Satu salinan surat pengesahan pelajar
- Satu salinan pasport pelajar dan pelekak pas pelajar
- Satu salinan pasport tanggungan (Semua muka surat)
- Dua (2) keping gambar berukuran pasport pemohon(3.5cm x 5cm)
- Salinan cop asal dari Kedutaan sijil kelahiran (jika untuk anak-anak).
- Salinan cop asal dari Kedutaan sijil nikah (jika untuk pasangan).
- Salinan cop asal dari Kedutaan surat perhubungan (jika untuk ibu/bapa).
- Akuan Berkanun dengan cop asal dari Pesuruhjaya Sumpah
- Polisi Insurans (berdasarkan satu tahun)
- Salinan penyata akaun bank pelajar untuk 3 bulan terkini (jumlah purata untuk 3 bulan mestilah MYR10,000).
- Bukti penerimaan pembayaran Yuran Pemprosesan UMPSA
- Bukti pembayaran Yuran Imigresen/Penukaran daripada Pas Lawatan Sosial (SVP) kepada *Long Term -Social Visit Pass* (Pas Tanggungan)

Senarai dokumen dan borang yang diperlukan untuk memohon visa daripada pas lawatan sosial kepada pas tanggungan.

- Satu salinan surat tawaran UMPSA pelajar
- Satu salinan surat pengesahan pelajar
- Satu salinan pasport pelajar dan pelekak pas pelajar
- Satu salinan pasport tanggungan (Semua muka surat)
- Dua (2) keping gambar berukuran pasport pemohon(3.5cm x 5cm)
- Salinan cop asal dari Kedutaan sijil kelahiran (jika untuk anak-anak).
- Salinan cop asal dari Kedutaan sijil nikah (jika untuk pasangan).
- Salinan cop asal dari Kedutaan surat perhubungan (jika untuk ibu/bapa).
- Akuan Berkanun dengan cop asal dari Pesuruhjaya Sumpah
- Salinan penyata akaun bank pelajar untuk 3 bulan terkini (jumlah purata untuk 3 bulan mestilah MYR10,000).
- Yuran Pemprosesan UMPSA
- Yuran Imigresen

Bagi pelajar Sarjana Muda, hanya pelajar dari 17 negara tertentu yang dibenarkan membawa tanggungan.

Saudi Arabia	Qatar	Turki	Iran	Syria	Bahrain
Libya	Maldives	Labanon	Oman	Jordan	Kuwait
United Arab Emirates	Azerbaijan	Palestin	Iraq	Yemen	


Pelajar yang ingin memohon pas tanggungan hendaklah mengemukakan pembuktian kemampuan sara diri seperti yang dinyatakan berikut:

- i) Penyata kewangan bank dalam negara (Malaysia) bagi pelajar dan tanggungan untuk 3 bulan terkini berjumlah RM30,000 sebulan sekeluarga contoh pengiraan seperti di bawah atau,
- ii) Penyata kewangan bank negara asal bagi pelajar dan tanggungan untuk purata pendapatan 3 bulan terkini berjumlah RM30,000 sebulan sekeluarga (contoh pengiraan seperti di lampiran A) dan telah disahkan Notari Awam negara asal atau,
- iii) Mengemukakan dokumen biasiswa/tajaan yang telah disahkan oleh pihak kedutaan/Penaja.

PERSONAL BOND MENGIKUT NEGARA:


RM2000 • Canada • USA • Colombia • Angola • Burkina Faso • Burundi • Cameroon • Central African Republic • Republic Congo • Republic Democratic Congo • Cote D'Ivoire • Djibouti • Equatorial Guinea • Eritrea • Ethiopia • Guinea-Bissau • Ghan • Liberia • Mali Mozambique • Niger • Nigeria • Rwanda • Western Sahara •	RM 1,500 • Saudi Arabia • Africa • Australia • British C.I • Brunei • China • Europe • Iran • Iraq • Portugal C.I • Taiwan • Tunisia • Vietnam	RM1000.00 • Japan • South Korea • Macao • Hong Kong
RM 750.00 • Bangladesh • Phillipines • India • Myanmar • Nepal • Pakistan • Sri Lanka	RM500.00 • Indonesia	RM300.00 • Thailand
RM200.00 • Singapura	Lain-lain Negara • RM1500.00	

CARTA ALIRAN KERJA PERMOHONAN PAS GRADUAN



Kelayakkan Negara bagi memperoleh Pas Graduan:

Australia	New Zealand	Brunei
Singapura	Korea Selatan	Jepun
Jerman	United Kingdom	Perancis
Canada	Switzerland	Belanda
Saudi Arabia	Kuwait	United Arab Emirates
Qatar	Sweden	Norway
Denmark	Finland	United States
Oman	Bahrain	India
China	Cambodia	Indonesia
Laos	Thailand	Vietnam
Filipina	Myanmar	

CARTA ALIRAN KERJA PERMOHONAN PAS PENGGAJIAN

SENARAI SEMAK KEBENARAN BELAJAR KEPADA EKSPATRIAT

1. Surat Permohonan dari syarikat.
2. Surat kuasa dari syarikat yang mengandungi maklumat jawatan dalam syarikat dengan disertakan:
 - a. Salinan Kad Pengenalan beserta bukti bekerja di syarikat (contoh: Penyata KWSP, Kad Pekerja dan lain-lain) atau;
 - b. Salinan Kad Wakil Syarikat.
3. Surat tawaran belajar dari Institut Penggajian Tinggi (IPTA)
4. Jadual belajar di Institut Penggajian Tinggi (IPTA)
5. Borang DP11 yang dilengkapi dengan tandatangan majikan dan cop syarikat.
6. Salinan passport pemohon (mukasurat biodata dan pas terkini).


* Semua dokumen / surat menyurat yang berkaitan hendaklah ditandatangani oleh pengurus syarikat atau pengarah syarikat (yang mempunyai nama dalam Form 49 terkini).

* Majikan / ekspatriat perlu mengemukakan dokumen tambahan sekiranya diminta oleh Pegawai Imigresen mengikut arahan semasa.

* Hanya Permohonan yang lengkap sahaja akan diterima dan diproses.


LAMPIRAN E: PERMOHONAN BELAJAR BAGI PEMEGANG PAS DIPLOMATIK

CARTA ALIR PERMOHONAN KEBENARAN BELAJAR BAGI DIPLOMAT DAN PEGAWAI KERAJAAN LUAR NEGARA UNTUK MELANJUTKAN PENGAJIAN MENGGUNAKAN PASPORT DIPLOMATIK/RASMI




**** surat sokongan kebenaran belajar daripada pihak KLN dan surat tawaran kemasukan daripada IPT**


**CARTA ALIR PERMOHONAN
INTRA-INSTITUTION VARIATION**



**CARTA ALIR PERMOHONAN
INTER-INSTITUTION VARIATION**



**CARTA ALIR PERMOHONAN
INTRA-INSTITUTION PROGRESSION**



**CARTA ALIR PERMOHONAN
INTER-INSTITUTION PROGRESSION**

